

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah suntikan vaksin pneumococcal yang telah diberi pada tahun 2020-2021 di seluruh negara. Berapa jumlah yang dibelanjakan untuk membeli vaksin ini dan adakah Kementerian bercadang untuk menambah baik jenis vaksin dari PCV 10 ke PCV 13.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan Program Imunisasi Pneumokokal di bawah Program Imunisasi Bayi dan Kanak-kanak Kebangsaan di seluruh negara telah bermula sejak 1 Disember 2020. Vaksin Pneumokokal diberikan sebanyak 3 dos iaitu pada umur 4 bulan, 6 bulan dan dos penggalak (booster) pada umur 15 bulan. Jumlah keseluruhan dos yang diberikan adalah sebanyak 85,381 dos pada tahun 2020. Manakala dari Januari hingga September 2021, pemberian dos pertama adalah sebanyak 464,163 dos, dos kedua adalah 454,992 dos dan dos penggalak (booster) sebanyak 157,481 dos. Secara keseluruhan, penerimaan masyarakat adalah sangat tinggi dengan pencapaian peratusan penerimaan dari Januari hingga September 2021 adalah 95.13% untuk Dos 1 dan 93.24% untuk Dos 2 (sasaran Jan-Sep adalah 71.25%, sasaran tahunan adalah >95%).

SOALAN NO : 26

2. Kementerian Kesihatan telah memuktamadkan perolehan vaksin pneumokokal untuk tempoh kontrak selama dua (2) tahun bermula 16 Oktober 2020 hingga 15 Oktober 2022 dengan nilai kontrak berjumlah RM145.47 juta. Sejumlah RM102,122,500 telah diperuntukkan bagi perolehan vaksin pneumokokal untuk Program Imunisasi Pneumokokal Kebangsaan bagi tempoh 2020-2021.
3. Kementerian Kesihatan menjalankan kajian surveyan secara sentinel di 15 buah hospital KKM bagi memantau impak dari pelaksanaan Program Imunisasi Pneumokokal dari segi kejadian kes penyakit pneumokokal invasif di kalangan kanak-kanak berumur bawah 5 tahun dan serotype bakteria Streptococcus pneumonia di kalangan kes-kes penyakit pneumokokal invasif dalam negara. Kini, baru setahun Program Imunisasi Pneumokokal dilaksanakan dengan menyasarkan semua kanak-kanak yang lahir bermula 1 Januari 2020.
4. Kejadian kes penyakit pneumokokal invasif telah berkurang, terutama dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 tahun. Penurunan ini turut disumbangkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan, penutupan pelbagai sektor dan saranan mengamalkan SOP penjagaan kebersihan bagi mencegah penularan jangkitan seperti kerap mencuci tangan, mengamalkan penjarakan fizikal dan mengelakkan tempat sesak.
5. Data surveyan yang dijalankan akan diteliti oleh Jawatankuasa Dasar dan Amalan Imunisasi Kebangsaan sebelum sebarang keputusan dibuat mengenai pemilihan vaksin dalam pelaksanaan Program Imunisasi Pneumokokal. Buat masa ini, dasar perolehan vaksin pneumokokal secara tender terbuka dikekalkan.

Sekian, terima kasih.